

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR. TAN KEE KWONG
(WANGSA MAJU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.03.2015

Y.B. DATO' DR. TAN KEE KWONG [WANGSA MAJU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah benar dengan kenyataan CEO 1MDB di dalam *The Business Times* bahawa RM3 bilion wang pelaburan milik 1MDB di Pulau Cayman tidak bawa pulang. Apakah wujud sebarang tindakan oleh Kerajaan terhadap perkara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya ingin jelaskan bahawa

1MDB adalah di dalam dana yang diuruskan oleh pengurus dana yang berdaftar di bawah pengawasan badan kawal selia iaitu Cayman Monetary Authority. Dana 1MDB kemudian dilaburkan oleh pengurus dana di beberapa pasaran antarabangsa yang boleh memberikan pulangan yang terbaik.

2. 1MDB telah melabur sebanyak US\$2.138 bilion dalam dana ini dan telah ditebus sepenuhnya dalam dua *tranche*. Penebusan *tranche* pertama US\$1.215 bilion telah digunakan untuk pembayaran faedah hutang, *working capital* dan lain-lain komitmen yang berjadual.

3. Melalui *tranche* kedua, sebanyak RM1.03 bilion, jumlah tersebut adalah dalam bentuk mata wang asing dan akan digunakan untuk memenuhi pembayaran balik beberapa pinjaman dalam mata wang asing yang dijadualkan untuk pembayaran tahun ini.